



PERINTAH ULUNG PTU KE-18

JENERAL DATO' SERI AFFENDI BIN BUANG TUDM

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM. SEGALA PUJIAN HANYALAH UNTUK ALLAH SUBHANAHU WATAALA, TUHAN SEKELIAN ALAM, SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SALALLAHU' ALAIHI WASSALAM.

ALHAMDULILLAH, SETINGGI KESYUKURAN DIPANJATKAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA ATAS KURNIA DAN INAYAH-NYA JUA, DIBERI KEIZINAN KEPADA SAYA UNTUK MEMIKUL AMANAH MEMIMPIN TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA SEBAGAI PANGLIMA TENTERA UDARA KE-18 MULAI 21 DIS 2016.

SAYA MENJUNJUNG KASIH DAN TAAT SETIA KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG SELAKU PEMERINTAH TERTINGGI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA KERANA TELAH MEMPERKENANKAN PELANTIKAN SAYA INI. SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI

PENGHARGAAN KEPADA KERAJAAN MALAYSIA, KHUSUSNYA KEPADA YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI, YANG BERHORMAT MENTERI PERTAHANAN DAN YANG BERBAHAGIA PANGLIMA ANGKATAN TENTERA SERTA PANGLIMA-PANGLIMA PERKHIDMATAN DARAT DAN LAUT SERTA SELURUH PUCUK PIMPINAN KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN TERUTAMANYA TUDM KERANA TELAH MEMBERI SEPENUH KEPERCAYAAN KEPADA SAYA UNTUK MENERAJUI TUDM YANG KITA CINTAI INI.

BERSEMPENA DENGAN PELANTIKAN SAYA SELAKU PANGLIMA TENTERA UDARA YANG BAHARU, IZINKAN SAYA MERAFAK SEMBAH MELAFAZKAN IKRAR TAAT SETIA YANG TIDAK BERBELAH BAHAGI KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG. SAYA MENERIMA PERLANTIKAN INI DENGAN PENUH KEINSAFAN DAN KESEDARAN BAHAWA TANGGUNGJAWAB INI ADALAH SATU AMANAH YANG AMAT BESAR DAN MENCABAR. SAYA BERIKRAR AKAN MEMIKUL TUGAS YANG DIAMANAHKAN INI DENGAN SEBAIK-BAIKNYA. SAYA DENGAN RENDAH HATI MEMOHON KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA AGAR DIKURNIAKAN KEIMANAN DAN KEKUATAN SEPANJANG SAYA MELAKSANAKAN TANGGUGJAWAB INI DENGAN SEMPURNA. SAYA JUGA BERAZAM UNTUK MENERUSKAN KECEMERLANGAN TUDM YANG TELAH DIPELOPORI OLEH KEPIMPINAN PANGLIMA-PANGLIMA YANG TERDAHULU.

PADA KESEMPATAN INI, DENGAN JUJUR DAN IKHLAS, SAYA MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERBAHAGIA JENERAL TAN SRI DATO' SRI ROSLAN

BIN SAAD TUDM SELAKU MANTAN PANGLIMA TENTERA UDARA, ATAS KHIDMAT BAKTI SERTA SUMBANGAN YANG BELIAU CURAHKAN. SESUNGGUHNYA, BELIAU JUGA TELAH MENYEDIAKAN LANDASAN YANG KUKUH BAGI SAYA MENERUSKAN USAHA DEMI KECEMERLANGAN TUDM PADA MASA HADAPAN. JASA DAN BAKTI BELIAU AKAN TETAP DIKENANG DAN TERPAHAT DALAM LIPATAN SEJARAH TUDM.

WARGA TUDM YANG DIHORMATI SEKALIAN,

SAYA TELAH DIBERI MANDAT UNTUK MENERAJUI TUDM BAGI MENGGALAS AMANAH UNTUK MEMASTIKAN KEDAULATAN RUANG UDARA NEGARA MALAYSIA SENANTIASA TERPELIHARA DARIPADA SEBARANG ANCAMAN PENCEROBOHAN ATAU DIGANGGU GUGAT OLEH PIHAK KETIGA.

OLEH HAL YANG DEMIKIAN, KITA HARUS PEKA DAN SENSITIF PADA PERKEMBANGAN SERTA PERUBAHAN GEO-POLITIK SERANTAU DAN GLOBAL, YANG MANA BOLEH MENDATANGKAN IMPAK PADA KESELAMATAN NEGARA. **STRATEGI PERTAHANAN UDARA NASIONAL (SPUN)** BERTINDAK SEBAGAI GARIS PANDUAN YANG MERANGKUMI SEMUA MEKANISMA UNTUK MELINDUNGI KEDAULATAN WILAYAH DAN RUANG UDARA MALAYSIA SERTA KEPENTINGAN NEGARA. HAL INI TERMASUKLAH BENTUK-BENTUK ANCAMAN KONTEMPORARI YANG LEBIH MENJURUS PADA ANCAMAN-ANCAMAN *NON-TRADITIONAL*, ISU-ISU PERTINDIHAN SEMPADAN SEHINGGALAH SERANGAN SIBER.

BAGI MEREALISASIKAN VISI DAN MISI TUDM, **PELAN STRATEGIK TUDM DAN PELAN TRANSFORMASI AIR FORCE NEXT GENERATION (AF-NG)** AKAN DIJADIKAN SANDARAN DAN LANDASAN DALAM USAHA KITA MEMPERTINGKAT DAN MEMPERKASAKAN PENGURUSAN RUANG ANGKASA NEGARA. **STRATEGIC READINESS SYSTEM (SRS)** IALAH TONGGAK UTAMA YANG TELAH DIBANGUNKAN UNTUK MENYOKONG PELAN STRATEGIK TUDM SEIRING DENGAN SISTEM PENGURUSAN STRATEGIK (SPS) ATM DAN PELAN STRATEGIK ATM DIMENSI KE-EMPAT (4D MAF).

SAYA MENYERU KEPADA SELURUH WARGA TUDM SEKALIAN AGAR BERSAMA-SAMA SAYA DALAM MENERUSKAN KESINAMBUNGAN PELAN TRANSFORMASI **AIR FORCE NEXT GENERATION**. ASPIRASI TENTERA UDARA ADALAH UNTUK MEMBANGUNKAN ANGKATAN YANG BERKEUPAYAAN MEMBERIKAN PELBAGAI IMPAK DALAM SEMUA PERINGKAT KONFLIK DAN JUGA MENJALANKAN MISI SEMASA AMAN SECARA BERKESAN. TAHUN 2017 ADALAH TAHUN TERAKHIR UNTUK FASA DUA (2) AF-NG. OLEH HAL YANG DEMIKIAN, SEMUA PERINGKAT PENGURUSAN DIKEHENDAKI MEMASTIKAN INISIATIF-INISIATIF TRANSFORMASI BAGI KEEMPAT-EMPAT TERAS (*DOCTRINE, FORCE, ORGANISATION, PEOPLE*) MENCAPAI OBJEKTIF YANG DITETAPKAN, AGAR SASARAN AF-NG TERCAPAI PADA TAHAP YANG CEMERLANG.

PERWIRA DAN PERAJURIT SEKALIAN,

STRUKTUR ORGANISASI TELAH PUN DISUSUN SEMULA. HAL DEMIKIAN DALAM KONTEKS INI, SEMUA PERINGKAT KEPIMPINAN PERLU MENGIMPLEMENTASI STRUKTUR INI DENGAN BERKESAN. DI SAMPING ITU, **SEKSYEN INTEGRITI** TELAH DITUBUHKAN BAGI MENGKOORDINASI PELAKSANAAN DAN PEMATUHAN SEMUA DASAR BERKAITAN INTEGRITI KHUSUSNYA DALAM TUDM. PROGRAM INTEGRITI YANG TELAH DIATUR, DIHARAP AKAN MENJADI PEMANGKIN KEPADA PENGURUSAN ORGANISASI YANG LEBIH TELUS. SEMUA PEMIMPIN DIKEHENDAKI MEMBERI PENEKANAN KEPADA BUDAYA KETENTERAAN YANG BERINTEGRITI KE ARAH MELAHIRKAN WARGA TUDM YANG BERMARUAH.

SELAIN ITU, SEMUA WARGA TUDM MENINGKATKAN PENERAPAN TENTANG **NILAI TERAS TUDM** IAITU INTEGRITI, KEBERANIAN, KECEMERLANGAN, *ESPRIT-DE-CORPS* DAN *SERVICE BEFORE SELF*, DALAM DIRI MASING-MASING UNTUK MEMBINA PERSONALITI YANG TERPUJI. PEMUPUKAN NILAI NILAI TERAS TERSEBUT AKAN MENJADI PEMANGKIN KEPADA KESEJAHTERAAN ORGANISASI YANG DIINGINKAN.

SEBAGAI PANGLIMA TENTERA UDARA SAYA INGIN MEMBERI PENEKANAN TERHADAP BEBERAPA PERKARA BERIKUT:

1. **KESIAGAAN**

KESIAGAAN MERUPAKAN PERKARA TONGGAK YANG PERLU DIBERI PERHATIAN. **KESIAPSIAGAAN (*PREPAREDNESS*)** JUGA ADALAH INSTRUMEN UTAMA DALAM STRATEGI PERTAHANAN NEGARA SEIRING DENGAN *SRS TUDM*, YANG MERANGKUMI TIGA KOMPONEN IAITU KETERSEDIAAN ASET, PERALATAN SOKONGAN DAN SUMBER MANUSIA. KESIAGAAN OPERASI AKAN MENENTUKAN PENCAPAIAN KEBERHASILAN DAN KEBERKESANAN *TUDM* SEBAGAI ENTITI PERTAHANAN RUANG ANGKASA NEGARA. OLEH HAL YANG DEMIKIAN, KESIAPSIAGAAN DILETAKKAN SEBAGAI CIRI UTAMA DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN OPERASI *TUDM*.

PELAN TINDAKAN YANG PERLU DILAKSANAKAN UNTUK PEMANTAPAN KESIAGAAN ADALAH:

A. MENEKANKAN STATUS *REDCON* ASET DAN MENGENAL PASTI JURANG (*CAPABILITY GAPS*) SERTA MENANGANINYA PADA SEMUA PERINGKAT.

B. MENEKANKAN ASPEK **KETERSEDIAAN (*AVAILABILITY*)** MERANGKUMI KESIAGAAN ASET, DOKONGAN LOGISTIK DAN SUMBER MANUSIA YANG KOMPETEN YANG PERLU DICAPAI UNTUK MENGOPTIMUMKAN HASIL YANG DIKEHENDAKI.

C. MENTADBIR **SUMBER (*RESOURCES*)** YANG ADA PERLU DITADBIR DENGAN CEKAP BERHEMAH DAN TELUS BAGI

MENGELAKKAN BERLAKUNYA UNSUR-UNSUR PEMBAZIRAN DAN PENYELEWENGAN.

D. MENGAJI DAN MEMPERKEMASKAN **DASAR** DAN SEMUA JENIS ARAHAN MENGIKUT KESESUAIAN DAN KEPERLUAN TERKINI. DASAR YANG AKAN DIGUNAPAKAI PERLU DIKEMASKINI DAN DIDOKUMENTASIKAN.

2. **BUDAYA SENGGARAAN YANG EFEKTIF.**

UNTUK MEMASTIKAN ASET-ASET TUDM BOLEH BEROPERASI SEPENUHNYA DAN SELAMAT DIGUNAKAN, **BUDAYA SENGGARAAN** PERLU DIPERKEMASKAN. SEMUA ASET PERLU DIURUS DAN DISELENGGARA DENGAN CEKAP DAN EFISIEN.

PELAN TINDAKAN BUDAYA SENGGARAAN EFEKTIF ADALAH :

A. MENGEMASKINI POLISI/DOKTRIN/ARAHAN SENGGARAAN DIKEMASKINI MENGIKUT KEPERLUAN SEMASA.

B. *MERANCANG (PROVISIONING) DAN MELAKSANAKAN FORECAST* OLEH SEMUA PERINGKAT PEMERINTAHAN (MPBU, PANGKALAN DAN SKUADRON/UNIT).

C. PENGHASILAN PENEMUAN AUDIT HENDAKLAH DIAMBIL TINDAKAN SUSULAN DAN PEMBETULAN DENGAN SECEPAT MUNGKIN.

D. MENGENALPASTI DAN MENAMBAHBAIK KONTRAK YANG MENJURUS KEPADA PENCAPAIAN OBJEKTIF KESIAGAAN TUDM.

E. MENAMBAH BAIK INOVASI DAN KREATIVITI KEPADA PROSES-PROSES KERJA YANG MENJURUS KEPADA BUDAYA SENGGARAAN YANG EFEKTIF.

3. **SEMARAK PEMBANGUNAN MODAL INSAN.**

WARGA AF-NG YANG TERLATIH DAN BERPENGETAHUAN MERUPAKAN TUNJANG KEPADA KECEMERLANGAN ORGANISASI. MODAL INSAN PERLU DITINGKATKAN DARI SEMASA KE SEMASA. CIRI –CIRI WARGA TUDM AF-NG ADALAH *INTELLIGENT, ANALYTICAL AND ROBUST, IT SAVVY, FORWARD THINKING* DAN *INNOVATIVE*.

MENYEDARI KEPERLUAN INI, **SEMUA PERINGKAT KEPIMPINAN** PERLU MEMAINKAN PERANAN DAN MEMPRAKTIKKAN CORAK KEPIMPINAN YANG BERKESAN DALAM MENYUNTIK SEMANGAT ANGGOTA DI BAWAH NAUNGAN AGAR TERUS BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN PENCAPAIAN DIRI MASING-MASING DEMI KEBAIKAN ORGANISASI.

PELUANG LATIHAN PERLU DITERUSKAN BAGI MEMBOLEHKAN KECEKAPAN ANGGOTA DIASA DAN DIBINA. HAL INI BERMAKNA, **PENDIDIKAN DAN LATIHAN** MESTILAH SENTIASA RELEVAN. PELAN TRANSFORMASI AF-NG MENEKANKAN SISTEM LATIHAN YANG BERASASKAN *COMPETENCY BASED TRAINING AND ASSESSMENT (CBTA)*. DI SAMPING ITU, STRATEGI LATIHAN YANG MENGAPLIKASIKAN ICT DALAM PENGURUSAN DAN KAEDAH E-LEARNING SANGATLAH DIGALAKKAN.

KAEDAH **MENTOR** DAPAT MEWUJUDKAN HUBUNGAN SINERGI DI ANTARA DUA ATAU LEBIH ANGGOTA. PENEKANAN TERHADAP PROSES MENTOR PERLU DIBERIKAN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT TRANSFORMASI. SISTEM MENTOR TURUT MENYEMARAK *ESPRIT-DE-CORPS* YANG MEMBERIKAN PELUANG UNTUK WARGA TUDM BERINTERAKSI SESAMA SENDIRI.

PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG PERLU DILAKSANAKAN ADALAH:

- A. MENGAPLIKASIKAN CBTA UNTUK MENGHASILKAN MODAL INSAN YANG BERFIKIRAN KRITIS DAN KREATIF.

- B. MENITIKBERATKAN PENINGKATAN *KNOWLEDGE, SKILL AND ATTITUDE (KSA)*.

C. MEMBERI KEUTAMAAN BAJET PADA PENINGKATAN *QUALIFICATION, TRAINING AND EXPERIENCE* (QTE).

D. MENINGKATKAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN YANG KONDUSIF.

E. MENDOKUMENKAN PROSES KERJA KAEDAH MENTOR BAGI MENGUKUHKAN BUDAYA MENTOR.

4. **PEMINDAHAN TEKNOLOGI (*TECHNOLOGICAL MIGRATION*)**

AGENDA TRANSFORMASI YANG DIWAR-WARKAN INI JUGA MELIPUTI DOMAIN **RUANG SIBER**. PENGGUNAAN RUANG SIBER UNTUK MENGHUBUNGKAN PELBAGAI SENSOR, SISTEM SENJATA, PERALATAN KOMUNIKASI, KOMPONEN RISIKAN, SISTEM MEDIA DAN LAIN-LAIN RANGKAIAN TANPA MENGIRA LOKASI GEOGRAFI, PERLU DITEKANKAN

DALAM NADA YANG SAMA, TUDM DAN INDUSTRI PERTAHANAN TEMPATAN HARUS MENCARI PELUANG UNTUK MENINGKAT DAN MENGUKUHKAN PERHUBUNGAN STRATEGIK (*STRATEGIC PARTNERSHIP*) SUPAYA KONSEP **MANDIRI** ATAU ***SELF-RELIANCE*** DAPAT DIBERI KEUTAMAAN BAGI MELENGKAPKAN PERTAHANAN MENYELURUH (HANRUH).

DI SAMPING ITU, ORGANISASI TUDM PERLU SEIRING DENGAN KEPESATAN TEKNOLOGI YANG MENGGUNAKAN MAKLUMAT DI HUJUNG JARI

DENGAN PROSES KERJA YANG TIDAK MENGGUNAKAN KERTAS (*PAPERLESS SOCIETY*). TRANSFORMASI INI BOLEH DILAKSANAKAN SECARA BERPERINGKAT SEBAGAI SATU INISIATIF YANG DAPAT MEMPERKASA SISTEM PENGURUSAN TUDM.

PELAN TINDAKAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI YANG PERLU DILAKSANAKAN ADALAH:

A. MEMATUHI ARAHAN SEDIA ADA BAGI MENGELAKKAN KEBOCORAN MAKLUMAT SERTA PAPARAN YANG BOLEH MECEMARKAN IMEJ TUDM.

B. MENGGUNAAN RANGKAIAN NETWORK CENTRIC OPERATIONS (NCO) YANG TELAH DIBANGUNKAN BAGI SEMUA ASPEK OPERASI TUDM.

C. MENERUSKAN USAHA NCO YANG BANYAK MENJURUS KEPADA RANGKAIAN *SENSOR TO SHOOTER* UNTUK KEGUNAAN TUDM

D. MENAMBAHBAIKKAN SEKURITI TEKNOLOGI MAKLUMAT.

E. MENGGALAKKAN INDUSTRI PERTAHANAN TEMPATAN TERLIBAT DALAM PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT.

5. **BUDAYA PENGURUSAN CEMERLANG**

BUDAYA PENGURUSAN CEMERLANG YANG DIMAKSUDKAN DI SINI IALAH ASPEK KESELAMATAN YANG MERANGKUMI **SECURITY DAN SAFETY**. KESELAMATAN PENERBANGAN DAN KESELAMATAN PERSEKITARAN TEMPAT KERJA ADALAH PERKARA YANG PERLU DIUTAMAKAN.

PELAN TINDAKAN BUDAYA PENGURUSAN CEMERLANG YANG PERLU DIAMBIL ADALAH:

A. MENGUKUHKAN IMPLIMENTASI KESELAMATAN PANGKALAN SECARA MENYELURUH.

B. MENINGKATKAN ASPEK KESELAMATAN DALAM SETIAP AKTIVITI DAN TINDAKAN.

C. MENINGKATKAN KESEDARAN BUDAYA SAFETYDALAM DIRI INDIVIDU.

6. **KEBAJIKAN WARGA**

ASPEK KEBAJIKAN TIDAK BOLEH DIABAIKAN KERANA ASPEK INI ADALAH SUNTIKAN MOTIVASI KEPADA SEMUA WARGA. HASRAT SAYA ADALAH MENGUTAMAKAN KEBAJIKAN DAN KEHARMONIAN KELUARGA AGAR MENJADI PEMANGKIN KEPADA KOMITMEN DAN KUALITI KERJA

WARGA TUDM. PERANAN BAKAT UDARA ADALAH PENTING DAN SIGNIFIKAN KEPADA KEBAJIKAN DAN KEUTUHAN KELUARGA SERTA ORGANISASI TUDM.

PELAN TINDAKAN KEBAJIKAN WARGA TUDM YANG PERLU DILAKSANAKAN ADALAH:

- A. MENDUKUNG **AKTIVITI BAKAT** YANG BERORIENTASIKAN KEBAJIKAN KELUARGA DAN KEHARMONIAN INSTITUSI KEKELUARGAAN.
- B. MEWUJUDKAN KEHARMONIAN PERHUBUNGAN DAN INTERAKSI SESAMA WARGA DENGAN SEMUA PERINGKAT PEMIMPIN.
- C. MEMPERKASA *WORK-LIFE BALANCE*.
- D. MENINGKATKAN SEMANGAT JATI KETENTERAAN, TAAT KEPADA PEMIMPIN ATASAN DAN BERJUANG DEMI AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

WARGA TUDM SEKALIAN,

TUDM PERLU MEMPERLIHATKAN KEPADA KERAJAAN DAN RAKYAT BAHAWA KITA IALAH SEBUAH ORGANISASI YANG RELEVAN DAN *VERSATILE*. MAKA ITU, TUDM PERLULAH MEMBERI FOKUS KEPADA OPERASI **BERSAMA (JOINTNESS)** DENGAN PERKHIDMATAN DARAT DAN LAUT BAGI

MENDAPATKAN KEBERHASILAN YANG BERGANDA. KERJASAMA DENGAN AGENSI-AGENCI KERAJAAN (GO) YANG LAIN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) MELALUI **NBOS** HENDAKLAH DILAKSANAKAN UNTUK MEMASTIKAN TUDM MENJADI SEBUAH ANGKATAN YANG MAMPU MENGHADAPI CABARAN DALAM PELBAGAI KEADAAN.

SEJAJAR DENGAN DASAR PERTAHANAN NEGARA, ASPEK **DIPLOMASI PERTAHANAN** PERLU DIPERLUAS KE NEGARA-NEGARA SERANTAU DAN GLOBAL. LANGKAH-LANGKAH MEMBINA KEYAKINAN (*CONFIDENCE BUILDING MEASURES*), *CAPACITY BUILDING* DAN KERJASAMA DALAM MENANGANI ISU-ISU KEGANASAN DAN JENAYAH TRANS-NASIONAL PERLU TERUS DIPERGIATKAN DEMI KEAMANAN DAN KESTABILAN SERANTAU.

PARA PERWIRA DAN PERAJURIT,

HARAPAN SAYA AGAR SEMUA PERKARA ASAS YANG SAYA TEKANKAN, MENJADI FOKUS UTAMA YANG DIGUNAPAKAI SEPANJANG PEMERINTAHAN SAYA. KITA AKUI, BAHAWA SEMUA AKTIVITI YANG DIRANCANG MEMERLUKAN SUMBER KEWANGAN ATAU PERUNTUKAN YANG MENCUKUPI. OLEH ITU, BAGI MENGADAPTASI KOS OPERASI YANG SEMAKIN MENINGKAT SERTA PERUNTUKAN YANG TERHAD, KITA PERLU KREATIF DALAM MENCARI ALTERNATIF PENYELESAIAN AGAR MISI TUDM DAPAT DILAKSANAKAN DAN ORGANISASI INI TERUS SIGNIFIKAN.

SETERUSNYA, SAYA MAHUKAN TERAS-TERAS INI DILAKSANAKAN DENGAN LEBIH TERPERINCI DAN DITERJEMAHKAN KEPADA INISIATIF ATAU PELAN TINDAKAN MENGIKUT KESESUAIAN PADA PERINGKAT MASING-MASING.

SAYA MENYERU KEPADA SEMUA WARGA TUDM AGAR BERSATU HATI DAN BERPADU TENAGA UNTUK TERUS KOMITED MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG DIAMANAHKAN, DENGAN JUJUR DAN IKHLAS. SEMOGA SEGALA USAHA KITA DIBERKATI DAN DIRAHMATI ALLAH SUBHANAHU WATAALA. AKHIR KATA, SEMOGA SEMUA ASPIRASI SAYA UNTUK KECEMERLANGAN TUDM DAPAT DIREALISASIKAN. INSHAA ALLAH.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

SENTIASA DI ANGKASARAYA.